

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING
(KULAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.06.2014

Y.B. PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan penjawat awam, termasuk anggota dan pegawai baru yang akan ditambah untuk menghadapi pelaksanaan GST.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi melancarkan proses pelaksanaan GST, Kerajaan sedang mempertimbangkan pertambahan jawatan baharu kepada Jabatan Kastam

**Diraja Malaysia sebanyak 1700 perjawatan dan Kementerian Perdagangan
Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebanyak 470 perjawatan.**